

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 DISEMBER 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	2016 tahun komersial produk inovasi, usaha giatkan ciptaan baharu	Utusan Malaysia
2.	Banjir landa tiga negeri Pantai Timur	Berita Harian
3.	Moderate to heavy rain in east coast	New Straits Times
4.	Hujan sederhana lebat di negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak	BERNAMA
5.	Jabatan Meteorologi keluarkan amaran peringkat jingga	Kosmo
6.	Penduduk kawasan berisiko banjir dipindah awal sebaik air lepasi paras normal	BERNAMA
7.	Hujan lebat di Hulu Kelantan, paras air sungai utama meningkat	Utusan Malaysia
8.	More rainfall expected in east coast states until today	The Star
9.	Sarawak Civil Defence Dept monitoring rivers, dams	New Straits Times
10.	Penduduk Kelantan diminta bersiap sedia	Kosmo
11.	Kesan fenomena bulan penuh	Kosmo

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 29 DISEMBER 2015 (SELASA)

2016 tahun komersial produk inovasi, usaha giatkan ciptaan baharu

TUARAN 28 Dis. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menggalakkan rakyat untuk menghasilkan produk-produk inovasi selaras dengan pengumuman 2016 sebagai tahun pengkomersialan inovasi negara.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau berkata, perkara itu juga bertepatan dengan sasaran kementerian untuk mengkomersialkan 360 produk inovasi tempatan menjelang 2020.

"Kita (kementerian) telah diberi tanggungjawab untuk menjayakan tahun pengkomersialan inovasi negara. Untuk itu, sudah tentu kita mahu rakyat berinovasi dan menghasilkan ciptaan-ciptaan baharu.

"Saya sendiri akan mengetuai sebuah jawatankuasa melibatkan semua kementerian bagi tujuan tersebut. Kita juga mahu orang ramai berfikir luas, sama ada melahirkan teknologi atau cara-cara serta kaedah baharu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Majlis Rumah Terbuka Krismas Parlimen Tuaran di sini semalam.

Majlis itu diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin dan is-



MADIUS TANGAU

teri, Toh Puan Norlida R.M Jasni serta Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tuaran memberitahu, antara contoh produk yang boleh dikomersialkan ialah sistem amaran banjir ciptaan para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tamparuli dekat sini.

"Mereka cipta satu teknologi yang boleh diaplikasikan di semua jambatan di negara ini untuk membantu pihak berkuasa memberi amaran berkaitan bencana tersebut.

"Contoh lain ialah inovasi yang dicipta oleh penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM). Menariknya, ciptaan mereka iaitu autopsi digital, alat untuk diagnosis mayat telah berjaya dipasarkan ke United Kingdom (UK)," tambahnya.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, bagi menggalakkan golongan muda di negeri ini meminati bidang sains, kementerian bercadang untuk membina 'cawangan' Pusat Sains Negara.

"Kita bercadang untuk membina di sini (Tuaran). Pusat itu nanti berbeza dengan pusat sedia ada di ibu negara. Kita akan kaji pusat-pusat sains di seluruh negara untuk diaplikasikan di pusat baharu itu nanti," ujarnya.

Banjir landa tiga negeri Pantai Timur

» 4,000 penduduk
Gua Musang,
Kuala Krai
terputus
hubungan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim,
Amin Ridzuan Ishak, Baharom
Bakar, Ramli Ibrahim, Rohaida
Omar dan Zaid Salim
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Negeri di Pantai Timur Semenanjung mula dilanda banjir, dengan hampir 900 orang dipindahkan ke 21 pusat pemindahan sejak malam kelmarin.

Hampir 4,000 penduduk di Gua Musang dan Kuala Krai, Kelantan, pula terputus hubungan jalan darat apabila dua jambatan ditenggelami air.

Di Terengganu, dua bayi lelaki antara 793 mangsa banjir dipindahkan ke 19 pusat pemindahan banjir di empat daerah iaitu Hulu Terengganu, Kemaman, Dungun dan Marang.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Terengganu, Datuk Osman Muda, berkata mangsa dipindahkan berperingkat sejak malam kelmarin selepas Sungai Telomong dan Sungai Tembak di Hulu Terengganu, melepasi paras bahaya iaitu 20.67 meter serta 19.98 meter.

Sungai Dungun, Sungai Air Putih dan Sungai Jeragau pula berada di paras bahaya.

Tujuh laluan utama ditutup
Tujuh jalan di kawasan pedalaman iaitu dua di daerah Kemaman dan tujuh di Hulu Terengganu ditutup kepada kenderaan ringan kerana dinaiki air antara 0.4 meter dan 0.5 meter.

"Bilik gerakan banjir negeri dibuka sejak banjir bermula malam tadi (kelmarin) dan akan beroperasi selama 24 jam di bangunan Wisma Darul Iman," katanya.

Di Pahang, 39 penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempadang dan Kampung Berjaya Permai, dipindahkan semalam selepas kediaman mereka dinaiki air.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, berkata semua penduduk ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kempadang.

"Mereka dipindahkan bermula jam 3 petang tadi (semalam) dan

bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diuruskan oleh pihak berkenaan," katanya.

Di Kelantan, hujan lebat sejak dua hari lalu menyebabkan sebuah jambatan di Kuala Krai dan Gua Musang ditenggelami air, sekali gus mengakibatkan hampir 4,000 penduduk terputus hubungan jalan darat untuk ke bandar. Berikutan itu, mereka terpaksa menaiki bot dengan tambang RM1 bagi satu laluan.

Jambatan sementara di Kampung Pemberian, Kuala Krai, tidak boleh dilalui sejak jam 11 pagi semalam yang menyebabkan hampir 2,000 penduduk terputus hubungan jalan darat untuk ke bandar. Berikutan itu, mereka terpaksa menaiki bot dengan tambang RM1 bagi satu laluan.

Sebanyak 11 keluarga yang membabitkan 36 penghuni berpindah ke pusat pemindahan di dewan veterinar di sini, mulai jam 7 malam tadi.

Mangsa dari Kampung Guchil Tujuh dan Kampung Guchil Luar berpindah selepas paras air memecah satu meter.

Hujan lebat punca air naik

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Krai, Mohd Hanif Che Khalid, berkata hujan lebat sejak kelmarin menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air seperti di Bukit Sireh, Kampung Chenulang, Sungai Durian dan Kampung Guchil Tujuh.

Bagaimanapun, air di beberapa kawasan rendah mulai surut petang semalam.

Dalam pada itu, jambatan menghubungkan Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Lembaga Ke-



Keadaan banjir di Kampung Padang Kubu, Kemaman.
(IHSAH BOMBA)

majuan Kelantan Selatan (KESE-DAR) Chalil, Gua Musang, turut ditenggelami air sedalam 0.8 meter, sekali gus menyebabkan kira-kira 2,000 penduduk terputus hubungan jalan darat.

Air Sungai Chalil mulai melimpah mulai jam 3 petang berikutan hujan lebat sejak awal pagi semalam.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata amaran hujan lebat peringkat jingga dikeluarkan Jabatan Meteorologi semalam membabitkan negeri di Pantai Timur.

Ia merangkumi Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli di Kelantan; Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman di Terengganu serta Kuantan, Pekan, Rompin, Jerantut, Maran, Lipis dan Cameron Highlands di Pahang.

Angin kencang, laut bergelora

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora Kategori Kedua juga dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North dan Layang-Layang bermula hari ini (semalam) hingga Jumaat," katanya dalam kenyataan.

Madius berkata, keadaan laut bergelora dan angin kencang peringkat pertama juga dijangka berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Palawan, Kuching, Labuan, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak sehingga Jumaat ini.

"Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai. Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian air pasang tinggi sehingga Jumaat ini," katanya.



Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Kuala Krai, Wan Saiful Bahar Wan Mohamed, menyerahkan kit makanan permulaan, toto dan selimut kepada 11 mangsa banjir yang membabitkan 36 mangsa dari Kampung Guchil Luar dan Guchil 7 di Dewan Veterinar Kuala Krai.



Azizah Hassan menemani cucunya makan di Pusat Pemindahan Banjir Balai JKKK Padang Kubu, Hulu Terengganu.

Moderate to heavy rain in east coast

KUALA LUMPUR: Moderate to heavy rain is expected in parts of the east coast states, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Wilfred Madius Tangau.

"Moderately heavy rain is expected to continue until Tuesday (today) in Kelantan (Kuala Krai, Gua Musang and Jeli), Terengganu (Hulu Terengganu, Dungun and Kemaman) and Pahang (Kuantan, Pekan, Rompin, Jerantut, Maran, Lipis and Cameron Highlands).

"Strong winds and rough waves,

which are hazardous to shipping and coastal activities, including fishing and ferry services, are also expected."

He said similar conditions were expected in East Johor and parts of Sarawak until Friday.

"The coastal areas of Kelantan, Terengganu, Pahang and east Johor will experience high tides until Friday."

Tangau urged the public to take extra precautions to pre-

vent loss of lives or damage to property.

Strong winds and rough waves, which are hazardous to shipping and coastal activities, including fishing and ferry services, are also expected.

Datuk Wilfred Madius Tangau
Science, Technology and Innovation minister



Hujan Sederhana Lebat Di Negeri Pantai Timur, Sabah Dan Sarawak

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Hujan sederhana lebat di beberapa kawasan di Kelantan, Terengganu dan Pahang dijangka berterusan sehingga Selasa, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau**.

Beliau berkata amaran hujan lebat peringkat jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi pada Isnin, membabitkan Kuala Krai, Gua Musang dan Jeli di Kelantan; Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman di Terengganu serta Kuantan, Pekan, Rompin, Jerantut, Maran, Lipis dan Cameron Highlands di Pahang.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora Kategori Kedua juga dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North dan Layang-Layang bermula hari ini hingga Jumaat," katanya dalam kenyataan di sini.

Madius berkata keadaan laut bergelora dan angin kencang peringkat pertama juga dijangka berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Palawan, Kuching, Labuan, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak sehingga Jumaat ini.

Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Selain itu, katanya, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur terdedah kepada kejadian air pasang tinggi yang dijangka berlaku sehingga Jumaat ini.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat cuaca melalui talian hotline 1-300-22-1638 atau Facebook dan Twitter Malaysiamet.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi menyatakan beberapa kawasan pantai di Sandakan, Sabah serta kawasan pantai Bintulu, Kuching, Mukah dan Samarahan di Sarawak akan mengalami hujan pada sebelah pagi esok.

Selain itu, ribut petir dijangka berlaku di beberapa tempat di Pahang dan Sarawak serta beberapa lokasi lain pada sebelah petang.

Dalam pada itu, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kilometer (km) sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North dan Layang-Layang sehingga Jumaat ini.

Angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 km sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter pula dijangka berlaku di kawasan perairan Samui, Tioman, Bunguran, Reef South, Palawan, Kuching dan Labuan sehingga Jumaat.

Ia turut berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (BANJIR DI PANTAI TIMUR) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 29 DISEMBER 2015 (SELASA)

Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran peringkat jingga



CHE GAYAH

Oleh AMEEN AZIZUL AZIZ

KUALA LUMPUR – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di beberapa kawasan Pantai Timur berkuat kuasa petang semalam.

Amaran hujan lebat peringkat jingga itu disahkan oleh Jabatan Meteorologi dan merupakan amaran

peringkat kedua yang boleh mengakibatkan banjir di kawasan rendah serta tebing sungai.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, amaran hujan lebat itu dikeluarkan ekoran hujan yang kadangkala menjadi sederhana lebat di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

“Di Kelantan, kami menjangka kejadian itu berlaku di daerah Kuala

Krai, Gua Musang dan Jeli. Di Terengganu pula, hujan sederhana lebat itu dijangkakan berlaku di Hulu Terengganu, Dungun dan di Kemaman.

“Di Pahang pula, kemungkinan di daerah Kuantan, Pekan, Rompin, Jerantut, Maran, Lipis dan Cameron Highlands akan mengalami nasib yang sama dan ia dijangka berlanjutan sehingga 29 Disember ini,” katanya.

Dalam perkembangan berlainan,

MOSTI turut mengeluarkan amaran kedua berkenaan ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang di Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Johor dan Sarawak.

Peringkat merah adalah amaran paling bahaya apabila hujan monsun lebat sedang atau dijangka berlaku dengan kelajuan angin sekurang-kurangnya 60 kilometer sejam.



Penduduk Kawasan Berisiko Banjir Dipindah Awal Sebaik Air Lepasi Paras Normal

KUCHING, 28 Dis (Bernama) -- Penduduk di kawasan berisiko mengalami bencana banjir akan segera dipindahkan ke pusat pemindahan sebaik paras air di kawasan berkenaan melepasi paras normal.

Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Negeri Sarawak, Kol (PA) Mohtar Samat berkata langkah berkenaan dilihat praktikal berdasarkan pengalaman agensi bantuan bencana negeri ketika menghadapi bencana banjir sebelum ini.

Katanya langkah tersebut juga dipersetujui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak melibatkan agensi berkaitan antaranya JPAM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Residen seluruh negeri agar sebarang bentuk bantuan semasa bencana dapat dipermudahkan.

"JPAM dilantik sebagai Sekretariat JPBN Sarawak dan kami bekerjasama rapat mendapatkan laporan tinjauan cuaca dengan Jabatan Meteorologi Malaysia. Setiap hari kami juga pantau keadaan sungai serta empangan di negeri ini berdasarkan laporan dikeluarkan Jabatan Pengairan dan Saliran.

"Andai kata berlaku kenaikan air sungai dan pada waktu sama, berlaku fenomena air pasang besar, pendekatan kali ini kami tidak lagi menunggu tetapi semua agensi terlibat dalam operasi menyelamatkan termasuk penduduk kampung akan digerakkan untuk proses pemindahan," katanya kepada Bernama.

Pada 12 Nov lalu mesyuarat JPBN Sarawak dimaklumkan kerajaan negeri mengenal pasti 610 pusat pemindahan banjir di samping 25 pangkalan hadapan di seluruh Sarawak yang boleh dibuka pada bila-bila masa apabila keadaan memerlukan.

Mohtar berkata JPBN Sarawak tidak mahu lagi apabila sudah berlaku bencana banjir pergerakan penduduk ke pusat pemindahan baru hendak dilakukan.

Beliau berkata selain pergerakan awal penduduk di kawasan berisiko banjir, JPBN Sarawak juga menetapkan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) supaya tiada sebarang kehilangan nyawa berlaku ketika bencana banjir.

Ketika ditanya kaedah amaran atau arahan pemindahan akan dikeluarkan, Mohtar berkata pihaknya menyalurkan setiap maklumat menerusi media massa dan juga menerusi pusat sehati bencana.

"Sebarang bentuk amaran serta pergerakan akan dihebahkan melalui media massa, radio termasuk Bernama supaya penduduk tidak perlu menunggu saat genting untuk perpindahan.

"Kami juga dalam proses wujudkan pusat sehati untuk selaraskan semua maklumat mengenai bencana banjir," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 29 DISEMBER 2015 (SELASA)

Hujan lebat di Hulu Kelantan, paras air sungai utama meningkat

KOTA BHARU 28 Dis. - Hujan yang sangat lebat melanda kawasan hulu negeri ini iaitu Gua Musang dan Kuala Krai sejak semalam menyebabkan paras air di sungai-sungai utama meningkat melebihi tahap amaran.

Portal rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), <http://infobanjir.water.gov.my/rainfall> melaporkan, di Gua Musang hujan lebat peringkat merah dengan empat stesen utama iaitu, Gunung Gagau 1, Gunung Gagau 2, Kampung Aring dan Kuala Koh mencatatkan kadar taburan hujan melebihi 100 milimeter (mm) sehingga lewat petang ini.

Hujan lebat peringkat sama turut berlaku di Kampung Tualang serta Kampung Laloh, Kuala Krai dengan kadar taburan antara 67 mm hingga 96 mm.

Pada masa yang sama, paras air Sungai Lebir di Tualang, Kuala Krai kini mencecah 30.60 meter iaitu menghampiri paras bahaya 31.00 meter dan situasi sama turut berlaku di Sungai Kelantan di Kuala Krai (21.37 meter) dan Kusial (13.37 meter).

Setakat pukul 9 malam ini, sebanyak 36 mangsa daripada 11 keluarga dari Guchil dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Pejabat Veterinar Kuala Krai.

Sementara itu Pengarah JPS

negeri, **Ir. Shahimi Sharif** berkata, hujan monsun berkenaan dijangka berterusan selama dua hari.

"Keadaan hujan lebat ini berpotensi mengakibatkan banjir terutama di kawasan rendah sekiranya turun tanpa henti selama tiga hingga empat jam," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sementara itu, **Pengarah Jabatan Meteorologi** negeri, **Maqrum Fadzli Mohd. Fahmi** berkata, banjir sememangnya dijangka berlaku di negeri ini, namun serius atau tidak bencana itu bergantung kepada keadaan cuaca dan taburan hujan semasa.

"Keadaan tersebut sudah dinyatakan melalui amaran hujan peringkat jingga yang dikeluarkan **Jabatan Meteorologi**. Sehubungan itu kita minta penduduk di kawasan berisiko banjir membuat persiapan sewajarnya," katanya.

Bah kuning yang menyebabkan puluhan ribu rakyat negeri ini hilang tempat tinggal pada tahun lalu disebabkan hujan luar biasa bermula dari 21 hingga 23 Disember di selatan Kelantan seperti yang telah direkodkan di stesen Gunung Gagau di Gua Musang.

Rekod hujan di kawasan ini adalah sebanyak 302 mm pada 21 Disember, 478 mm pada 22 Disember dan 515 mm pada 23 Disember dan menyebabkan banjir besar.

More rainfall expected in east coast states until today

PETALING JAYA: The Malaysian Meteorological Department has predicted rains to continue in the east coast states until today.

It issued an orange alert yesterday, indicating continuous rain averaging 0.4mm to 4mm per hour, lasting over a day and above.

Above orange is red, the highest alert given out by the department indicating heavy continuous downpour, with at least 100mm of rain per day lasting for a day or more.

Its director-general Datuk Che Gayah Ismail said a mild monsoon surge was also expected between tomorrow and Saturday, bringing

with it sporadic rain.

She added that over the next week, there was a chance of early morning rain over the coasts of Kelantan, Terengganu, Pahang, northern Sarawak and east Sabah.

Over the weekend, downpours in Terengganu led to some flooding in the Hulu Terengganu area, with the Terengganu river and the Kemaman river breaching the danger levels.

Civil Defence Department director-general Ogu Salim Omar said they were prepared, having learnt lessons from last year's floods

in Kelantan.

"The people are more aware of these sorts of disasters. I would say that we are over 50% more prepared compared to last year," he said.

He added that in the event of floods, the Civil Defence Emergency Response Team at Community Level would provide relief as first responders, including assisting evacuees to relief centres.

Meanwhile, the Singapore-based Asean Specialised Meteorological Centre (ASMC) forecast a more than 90% chance that the El

Nino weather phenomenon would continue and possibly have maximum strength in the November-December-January season, after which it is expected to gradually dissipate.

Most of Malaysia, ASMC said, would have 30% to 40% less rainfall than the long-term average.

"For the near-equatorial region, extended periods of dry and occasional windy weather conditions can be expected.

"There is a high probability of below normal rainfall over the Philippines and the north-eastern part of Borneo," it added.

Sarawak Civil Defence Dept monitoring rivers, dams

KUCHING: People in flood-prone areas in Sarawak will be evacuated at the first sign of rising river levels, said state Civil Defence Department director Mohtar Samat.

"Once the level of rivers start rising, we will mobilise all agencies and selected villagers to undertake evacuation."

He said this was the most practical response to the situation given the experience of relief agencies during floods in the past, and it was agreed to by the state Disaster Management Committee.

"The department has been appointed secretariat of the committee. We work closely with the Meteorological Department to obtain weather reports.

"We monitor rivers and dams daily based on reports by the Drainage and Irrigation Department."

The state government has identified 610 flood relief centres and 25 forward bases that can be opened at any time if the situation warrants it.

Bernama

KERATAN AKHBAR
KOSMO (RINGKAS) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 29 DISEMBER 2015 (SELASA)

Penduduk Kelantan diminta bersiap sedia

KOTA BHARU – Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan (JPS) meminta penduduk di daerah Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Gua Musang dan Jeli bersiap sedia menghadapi bencana banjir sekiranya hujan lebat berterusan.

Pengarah JPS, Ir. Shahimi Sharif berkata, hujan monsun yang diramalkan sehingga hari ini dijangka mengakibatkan banjir dengan kadar hujan sangat lebat antara tiga hingga empat jam tanpa henti.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Maqrum Fadzli Mohd. Fahmi berkata, banjir tetap berlaku, namun besar atau kecil bergantung kepada keadaan cuaca dan taburan hujan semasa yang turun.

Beliau berkata, keadaan tersebut dinyatakan melalui amaran hujan peringkat jingga yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi yang mungkin mengakibatkan banjir terutama di kawasan rendah.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (RINGKAS) : MUKA SURAT 8
TARIKH: 29 DISEMBER 2015 (SELASA)

Kesan fenomena bulan penuh

KUALA LUMPUR – Jabatan Meteorologi tidak menolak kemungkinan fenomena bulan penuh yang berlaku pada Jumaat lepas boleh menyebabkan banjir besar melanda di beberapa buah sungai utama di seluruh negara.

Pegawai Meteorologi Kanan di Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip memberitahu, fenomena bulan penuh itu juga telah mengakibatkan peningkatan arus air pasang.

"Fenomena air pasang memang akan berlaku awal bulan dan hujung bulan berikutan pergerakan bulan itu sendiri akan mendorong arus air sungai menjadi deras selain didorong oleh tarikan graviti.

"Jika berlaku air pasang ditambah pula dengan fenomena 'perigee' yang merujuk kepada kedudukan bulan berdekatan dengan bumi, maka air pasang akan berlaku dengan lebih deras daripada biasa," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.